



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[THE TASAWUR OF MAHABBAH ACCORDING TO BEDIUZZAMAN SAID NURSI
BASED ON THE BOOK OF *KULLIYYAT RASA'IL AL-NUR*]

TASAWUR MAHABBAH MENURUT BADIUZZAMAN SAID NURSI
BERDASARKAN KITAB *KULLIYYAT RASA'IL AL-NUR*

NORULLISZA KHOSIM^{1*}
MOHD SHUKRI HANAPI²

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,
Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

²Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV),
Universiti Sains Malaysia,
11800, Pulau Pinang, Malaysia.

*Corresponding Author: norulliszakhosim@usim.edu.my

Received Date: 8 June 2023 • Accepted Date: 31 October 2023

Abstract

Bediuzzaman Said Nursi is one of the figures in Quranic Exegesis. The book of *Kulliyat Rasa'il al-Nur* is a clear testament to his efforts and referred by many scholars till nowadays. There are various discussions in *Kulliyat Rasa'il al-Nur* and among them is mahabbah. Mahabbah is one of the Islamic values emphasized by the Quran in the process of human development. Thus, this study was carried out to achieve several objectives namely, (1) identify the fact of mahabbah according to Bediuzzaman Said Nursi; and (2) form a tasawur of mahabbah based on the fact of mahabbah introduced by Bediuzzaman Said Nursi. The study is a descriptive qualitative study, based on the analysis of texts and documents. The results of the study found that Bediuzzaman Said Nursi has his own perspective on mahabbah, and the tasawur of mahabbah which is built considers the vertical and horizontal relationship angles that need to be applied in each human being to develop into an excellent worldly and ukhrawi person.

Keywords: Tasawur, Mahabbah, Bediuzzaman Said Nursi, Human Development, *Kulliyat Rasa'il al-Nur*.

Abstrak

Bediuzzaman Said Nursi merupakan salah seorang tokoh dalam bidang pentafsiran al-Quran. Kitab *Kulliyat Rasa'il al-Nur* merupakan bukti nyata usaha beliau yang dilakukan dan masih kekal menjadi rujukan sehingga kini. Terkandung di dalamnya pelbagai perbincangan ilmiah

antaranya berkaitan mahabbah. Mahabbah merupakan salah satu daripada nilai-nilai Islam yang ditekankan al-Quran dalam proses pembangunan insan. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mencapai beberapa objektif iaitu; (1) mengenal pasti hakikat mahabbah menurut Badiuzzaman Said Nursi; dan (2) membentuk tasawur mahabbah berteraskan hakikat mahabbah yang diperkenalkan oleh Badiuzzaman Said Nursi. Kajian ini merupakan kajian kualitatif deskriptif berdasarkan analisis teks dan dokumen. Hasil kajian menemukan bahawa Badiuzzaman Said Nursi memiliki sudut pandang yang tersendiri tentang mahabbah, dan tasawur mahabbah yang terbina mengambil kira sudut hubungan vertikal dan horizontal yang perlu diterapkan dalam diri setiap insan untuk membangun menjadi insan yang cemerlang duniawi dan ukhrawi.

Kata Kunci: Tasawur, Mahabbah, Badiuzzaman Said Nursi, Pembangunan Insan, *Kulliyat Rasa'il al-Nur*.

Cite as: Norullisza Khosim & Mohd Shukri Hanapi. 2023. Tasawur Mahabbah Menurut Badiuzzaman Said Nursi Berdasarkan Kitab *Kulliyat Rasa'il Al-Nur* [The Tasawur Of Mahabbah According To Bediuzzaman Said Nursi Based On The Book Of *Kulliyat Rasa'il Al-Nur*]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 24(1): 154-163.

PENGENALAN

Badiuzzaman Said Nursi* merupakan seorang insan yang berhadapan dengan pelbagai cabaran sepanjang kehidupannya. Menjadi tahanan, berperang, berhadapan penindasan dan pengasingan antara liku-liku kehidupan yang perlu ditempuhi. Namun begitu, setiap fasa kehidupan yang dilalui tidak menjadikan beliau lemah dan meninggalkan perjuangan dakwah. Bahkan beliau bangkit menjadi seorang tokoh yang bukan sahaja dikenali ketika hayatnya, tetapi masih dikenali sehingga kini selain menjadi sumber rujukan menerusi penulisannya.

Penulisan Said Nursi yang masih kekal dan dijadikan rujukan pada masa ini dinamakan Kitab *Kulliyat Rasa'il al-Nur* (KRaN) atau disebut juga sebagai *Risalah al-Nur*. Realitinya, Kitab KRaN dipenuhi dengan pelbagai topik perbincangan antaranya tentang ketauhidan dan keimanan kepada Allah SWT, kenabian, perkara ghaib, kehidupan insan, nilai-nilai Islam dan lain-lain lagi (Said Nursi, 2015; Parid Ridwanuddin, 2017; Muhammad Yusry Affandy Md Isa & Faid Zulkifli, 2020). Mahabbah juga merupakan antara topik yang dibincangkan secara terperinci oleh Said Nursi dalam kitab tersebut. Hakikatnya, mahabbah merupakan antara nilai Islam yang turut ditekankan dalam kitab suci al-Quran.

Menerusi penelitian terhadap topik mahabbah dalam Kitab KRaN, Said Nursi memiliki sudut pandang yang tersendiri. Oleh sebab itu, kajian ini bertujuan memperkenalkan hakikat mahabbah menurut sudut pandang Said Nursi, seterusnya membentuk satu tasawur mahabbah yang boleh dijadikan rujukan dan panduan dalam proses penerapan dalam diri setiap insan.

Terdapat sekurang-kurangnya dua objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini iaitu; pertama, mengenal pasti hakikat mahabbah menurut Said Nursi. Kedua, membentuk tasawur mahabbah berteraskan hakikat mahabbah menurut Said Nursi.

* Selepas ini disebut sebagai Said Nursi.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian menumpukan kepada penelitian data terhadap hakikat mahabbah dalam Kitab KRaN dengan merujuk kepada naskhah bahasa Arab yang merupakan hasil suntingan dan terjemahan al-Salihy (2013). Penggunaan aplikasi *'Mutala'at Rasa'il Al-Nur'* turut digunakan bagi memastikan perbincangan tentang hakikat mahabbah yang terdapat dalam kitab tersebut diteliti. Selain itu, data-data diperolehi berdasarkan kepada literatur, jurnal, dan artikel yang berkaitan dengan tajuk kajian.

PROFIL RINGKAS BADIUZZAMAN SAID NURSI

Badiuzzaman yang bermaksud keunggulan zaman merupakan gelaran yang diterima ketika berusia 16 tahun. Menurut Wan Jaffree Wan Sulaiman (1983) dan Muhammad Yusry Affandy Md Isa dan Faid Zulkifli (2020), gelaran tersebut diberikan oleh ulama besar Turki kerana keilmuan dan kecerdasan otak luar biasa yang dimilikinya. Nama sebenar beliau ialah Said bin Mirza (Said Nursi, 2015i), manakala Nursi pula dinisbahkan bersempena nama tempat kelahirannya (Said Nursi, 2015i).

Tahun 1876-1877M, Said Nursi dilahirkan (Said Nursi, 2015i). Beliau kekal di bawah asuhan kedua ibu bapanya sehingga berumur sembilan tahun (Muhammad Labib Syauqi, 2017). Beliau berbangsa Kurdi dan beragama Islam (Wan Jaffree Wan Sulaiman, 1987; Said Nursi, 2015i). Kelahiran beliau berlaku ketika Sultan Abdul Hamid II menaiki takhta dan memerintah Khilafah Uthmaniyyah.

Mirza dan Nuriyyah ialah nama bagi bapa dan ibu Said Nursi (Said Nursi, 2015i). Kedua-dua mereka sentiasa menjaga hubungan baik dengan Allah SWT, begitu juga hubungan dengan sesama insan. Mereka sentiasa menjaga diri dengan menjauhi perkara-perkara haram, menjaga solat dan sering bertahajud (Said Nursi, 2013i). Perkara-perkara ini turut diterapkan dalam diri anak-anak mereka.

Memiliki tiga saudara perempuan dan tiga saudara lelaki, dan Said Nursi merupakan anak yang keempat dengan turutan kelahiran iaitu Durriyyah, Khanim, Abdullah, Muhammad, Abdul Majid, dan Marjan (Said Nursi, 2013i). Menurut Wan Jaffree Wan Sulaiman (1987), Said Nursi tidak pernah berkahwin sepanjang kehidupannya dan tidak mempunyai anak (Said Nursi, 2013i). Antara sebabnya adalah kerana khuatir tidak mampu melaksanakan kewajipan kerana keadaan kewangan yang tidak mengizinkan dan kesukaran kehidupan yang dihadapi.

Walaupun begitu, Said Nursi merupakan seorang tokoh, bahkan merupakan seorang pengasas gerakan agama yang paling penting di Turki (Hasan Horkuc, 2004). Beliau juga merupakan seorang yang mahir bertutur dalam bahasa Turki dan Kurdi, malah mahir membaca dan menulis dalam bahasa Arab dan Parsi (Said Nursi, 2013i). Selain itu, menurut Wan Jaffree Wan Sulaiman (1987), Said Nursi adalah seorang yang sabar, bersemangat tinggi dan berani, memiliki tubuh badan yang tegap dan sihat, serta cekap menunggang kuda dan menembak yang baik.

Ketokohan Said Nursi bukan sahaja dapat diamati dalam satu sudut kehidupan, tetapi merangkumi keseluruhan kehidupannya. Ketokohan beliau dapat dilihat ketika beliau bergelar seorang pelajar, pendidik, penulis, mujaddid dan mufasir (Norullisza Khosim, 2023; Al-Salihy, 2013; Wan Jaffree Wan Sulaiman, 1987). Antara ketokohan yang dapat dijadikan panduan ialah usaha Said Nursi dalam memberi pendidikan kepada masyarakat, pengintegrasian Ilmu Islam dan Sains Moden (Amad Kazim Muhammad Saleh, 2015), dan membangkitkan kesedaran agama tentang hakikat kehidupan yang berteraskan Islam (Muhammad Yusry Affandy Md Isa & Faid Zulkifli, 2020) melalui kepelbagaian metod dakwah.

DEFINISI MAHABBAAH

Mahabbah juga merupakan salah satu daripada nilai-nilai Islam yang telah disebutkan dalam kitab suci al-Quran. Mahabbah juga merupakan nilai yang dituntut Islam dalam diri setiap hamba-Nya. Mahabbah dapat didefinisikan sebagaimana berikut.

Jadual 1: Definisi Mahabbah

Tokoh	Definisi
Al-Tustariy (2004)	Keselarasan hati dengan Allah SWT, tetap dalam keadaannya, mengikuti Nabi-Nya, sentiasa berzikir dan merasa manis saat bermunajat kepada-Nya.
Ibn Manzur (2008)	Mencintai secara mendalam, kecintaan atau cinta yang mendalam.
Al-Hasaniy (2008)	Kecenderungan hati atau hati seorang hamba yang sentiasa terikat dengan Allah SWT.
Al-Qusyairiy (2014)	Satu perasaan yang mulia yang menyaksikan Allah SWT dengan pandangan mata hati.
Al-Tusiy (2016)	Salah satu perkara yang mulia.

Berdasarkan pengertian-pengertian yang telah dibincangkan, mahabbah dapat disimpulkan sebagai rasa kecintaan seorang insan yang merupakan satu perkara mulia dan mampu membantu mendekati diri kepada Allah SWT (Al-Tustariy, 2004; Ibn Manur, 2008; al-Hasaniy, 2008; al-Qusyairiy, 2014; al-Tusiy, 2016).

Manakala menurut Said Nursi, mahabbah dianggap sebagai perasaan kasih sayang yang merupakan suatu perasaan bukan pilihan, tetapi dapat didorong ke arah kebaikan iaitu kepada cinta sejati dan merupakan fitrah bagi setiap insan yang bermatlamatkan *sa'adat al-darayn* (kebahagiaan dunia dan akhirat) (Said Nursi, 2013a).

Dalam membahaskan mahabbah, Said Nursi menyatakan bahawa fitrah mahabbah adalah kerana tiga perkara. Pertama, *al-Jamal* (kecantikan dan keindahan); kedua, *al-Kamal* (kesempurnaan); dan ketiga, *al-Ihsan* (kekurniaan) (Said Nursi, 2013c). Berdasarkan tiga perkara tersebut, Said Nursi turut menyatakan bahawa perasaan ini akan sentiasa berada di tahap naik dan turun. Jika seseorang bertafakkur dengan tiga perkara tersebut, perkaitannya dengan sifat-sifat Allah SWT akan dapat dilihat, seterusnya membantu peningkatan mahabbah kepada Allah SWT (Said Nursi, 2013c). Perkara ini turut ditekankan oleh Sadik Ozata (2022) dengan menyatakan bahawa semakin tiga perkara ini difahami semakin bertambah mahabbah dalam hati.

Menurut Said Nursi lagi, mahabbah perlu dipraktikkan dengan makna *al-harfiy* dan bukan dengan makna *al-ismiy* kerana mahabbah kepada sesuatu perlu disandarkan kepada pemilik cinta itu sendiri iaitu Allah SWT (Said Nursi, 2013b). *Al-harfiy* bermaksud melihat kepada sekalian makhluk Allah SWT atas nama Allah SWT sebagai Penciptanya (Said Nursi, 2013f). *Al-ismiy* pula melihat kepada sekalian makhluk Allah SWT atas maknanya yang tersendiri dan bukan atas nama Allah SWT sebagai Pencipta (Said Nursi, 2013f). *Al-ismiy* juga merupakan sesuatu yang menunjukkan kepada makna tersendiri (Said Nursi, 2013g).

Dari sudut kedudukan mahabbah, Said Nursi (2013a) menyatakan bahawa terletak mahabbah dalam hati setiap insan. Bahkan menurut Achmad Reza Hutama Al Faruqi (2019), Said Nursi meletakkan hati sebagai peringkat yang menentukan dan mengendalikan insan. Perkara ni bertepatan dengan satu hadith yang bermaksud, *“Ingatlah sesungguhnya dalam tubuh seorang insan itu terdapat segumpal daging. Jika segumpal daging itu baik, maka seluruh tubuh juga baik. Jika segumpal daging itu rosak, maka seluruh tubuh juga akan rosak. Ketahuilah, segumpal daging itu adalah hati”* (Riwayat al-Bukhariy. No. Hadith: 52).

HAKIKAT MAHABBAH MENURUT BADIUZZAMAN SAID NURSI

Hakikat mahabbah menurut Said Nursi disebut sebagai suatu perkara yang paling layak dicintai kerana tabiat atau fitrah mahabbah itu sendiri yang menjadi jaminan kehidupan sosial bagi insan di dunia dan merupakan faktor terciptanya kebahagiaan yang hakiki (Said Nursi, 2013a). Sadik Ozata (2022) juga menyatakan perkara ini menekankan bahawa Allah SWT meletakkan perasaan ini sebagai fitrah dalam diri setiap insan untuk digunakan hanya kerana Allah SWT.

Hakikat mahabbah menurut Said Nursi dapat dilihat menerusi perbincangan empat perkara utama. Pertama, mahabbah bukan pilihan tetapi boleh berubah daripada cinta majazi kepada cinta hakiki (Said Nursi, 2013a). Said Nursi (2013a) menyebut, *“Sesungguhnya mahabbah walaupun bukan pilihan, tetapi mampu diubah dengan kehendak daripada mereka yang dicintai kepada sesuatu yang lain, iaitu berubah daripada cinta majazi kepada cinta hakiki”*.

Dalam hal ini, Said Nursi (2013a) menjelaskan bahawa cinta hakiki ialah mahabbah kepada Allah SWT yang kekal abadi, manakala cinta majazi bermaksud mahabbah kepada sekalian makhluk Allah SWT yang bersifat sementara serta akan hilang pupus. Setiap mahabbah kepada sekalian makhluk ciptaan Allah SWT yang merupakan cinta majazi, boleh berubah kepada cinta hakiki iaitu mahabbah kerana Allah SWT dan atas nama-Nya.

Kedua, mahabbah kepada makhluk Allah SWT perlu disandarkan kepada mahabbah kerana-Nya dan atas nama cinta-Nya. Menerusi Kitab KRaN, Said Nursi (2013a) menyebut, *“Jadikanlah mahabbah kamu di jalan Allah SWT dan hanya kerana-Nya”*. Dalam hal yang sama, Said Nursi (2013a) juga turut menyebut, *“Wahai diri, jika kau memiliki akal, maka gabungkanlah setiap bentuk mahabbah dan sandarkannya kepada pemilik hakiki, maka kau akan selamat dari sebarang kesengsaraan”*.

Menerusi petikan kata-kata Said Nursi, dapat difahami bahawa cintailah setiap sesuatu itu bukan kerana hawa nafsu, namun hanya kerana *al-asma’ al-husna* dan dalam lingkungan yang dibenarkan syariat (Said Nursi, 2013a). Mencintai makhluk Allah SWT yang lain sama sekali tidak dihalang, tetapi sandaran setiap kecintaan itu demi Allah SWT dan kerana cinta kepada-Nya perlu ditekankan. Sebagai contoh, apabila seseorang itu mencintai para nabi dan solihin, mencintai anak-anak atau selainnya dari pelbagai bentuk nikmat pemberian Allah SWT, maka perasaan itu perlu dilazimi dengan kesyukuran terhadap-Nya kerana ihsan dan sifat *al-Rahman* (Yang Maha Pengasih), dan *al-Mun‘im* (Yang Maha Memberi Nikmat), Allah SWT mengurniakan kepada hamba-hamba-Nya nikmat yang tidak terperi.

Ketiga, mahabbah terhadap *al-asma’ al-husna* memiliki beberapa tingkatan. Said Nursi (2013a) menyatakan bahawa, *“Sesungguhnya bagi mahabbah terhadap al-asma’ al-husna beberapa tingkatan”*.

Berdasarkan kepada kata-kata Said Nursi, beliau menjelaskan bahawa terdapat tiga tingkatan mahabbah kepada *al-asma' al-husna*. Pertama, kesan *al-asma' al-husna* dalam alam semesta. Kedua, gelaran kesempurnaan Allah SWT iaitu seperti *al-Kamal* (kesempurnaan), *al-Jalal* (keagungan), dan *al-Jamal* (keindahan), dan ketiga, hajat serta keperluan insan terhadap segala nikmat kurniaan Allah SWT yang tiada batasan (Said Nursi, 2013a). Mahabbah terhadap *al-asma' al-husna* ini merupakan pengembalian insan kepada gelaran dan kesempurnaan pemilik cinta hakiki iaitu Allah SWT (Said Nursi, 2013a).

Seterusnya keempat, natijah mahabbah terbahagi kepada dua iaitu di dunia dan di akhirat kelak (Said Nursi, 2013a). Said Nursi (2013a) menyebut bahawa, “*Sesungguhnya mahabbah yang tidak menurut syariat dan tidak diletakkan di tempat yang sebenarnya, maka balasannya musibah dan tiada rahmat di dalamnya*”. Said Nursi (2013a) turut menyebut bahawa, “*Sesungguhnya kecintaan yang abadi (atas nama al-Rahman al-Rahim), maka balasannya syurga yang dihiasi dengan al-hur al-‘ayn*”.

Sadik Ozata (2022) dalam menghuraikan perkara ini menyatakan bahawa mahabbah yang mengikut cara golongan lajai dan kerana nafsu semata-mata terhadap makhluk, tidak memberi manfaat dan mengakibatkan kesan buruk, dan di akhirat kelak tidak memberi sebarang faedah. Bahkan jika termasuk dalam perkara haram, akan mendatangkan azab siksaan daripada Allah SWT. Perkara ini dilihat sama dengan pembahagian yang dilakukan Syaidatun Nazirah Abu Zahrin et al (2014) iaitu cinta ibadah dan cinta maksiat. Cinta ibadah memberi impak positif, manakala cinta maksiat memberi impak negatif bukan sahaja di dunia malah di akhirat kelak. Di sinilah pentingnya hakikat mahabbah yang dinukilkan dalam Kitab KRaN iaitu tawajuh mahabbah kepada *al-Khaliq* dan bukan kepada makhluk, kerana Allah SWT yang kekal abadi, berlainan dengan makhluk yang akan binasa (Said Nursi, 2013a).

Kesimpulan daripada hakikat mahabbah yang terdapat dalam Kitab KRaN ialah setiap mahabbah kepada cinta *majaziy* boleh berubah kepada cinta hakiki, dan mahabbah terhadap segala bentuknya dengan makna *harfiy* adalah dibenarkan. Namun, jika dilakukan dengan makna *ismiy* adalah dilarang sama sekali. Dalam erti kata lain, setiap mahabbah itu perlu dilakukan hanya kerana Allah SWT dan demi cinta kepada-Nya bukan selain-Nya. Selain itu, mahabbah terhadap *al-asma' al-husna* membantu seseorang insan mengetahui setiap gelaran kesempurnaan Allah SWT, dan meneliti kesannya dalam setiap makhluk-Nya, serta memahami ketidakterbatasan insan terhadap nikmat Allah SWT yang akhirnya merupakan wasilah dalam pengembalian insan kepada cinta hakiki.

TASAWUR MAHABBAH

Tasawur membawa maksud tanggapan, gambaran atau pandangan terhadap segala sesuatu (Mohd Shukri Hanapi, 2013). Menurut Haron Din (1992), tasawur apabila digandingkan dengan kalimah Islam membawa maksud gambaran atau rupa bentuk Islam yang hakiki. Oleh itu, tasawur mahabbah dapat difahami sebagai suatu gambaran atau pandangan tentang mahabbah itu sendiri.

Berdasarkan perbincangan tentang hakikat mahabbah menurut Said Nursi, satu tasawur mahabbah dapat dibina. Perkara ini dapat dihuraikan menerusi dua perkara utama. Pertama, Allah SWT sebagai teras mahabbah. Kedua, makhluk sebagai pelaku dan penerima mahabbah.

i. Allah SWT Sebagai Teras Mahabbah

Tasawur mahabbah yang pertama ialah Allah SWT sebagai teras mahabbah. Said Nursi (2013c) menyebut, *“Dialah Allah SWT, Zat yang Maha Disembah, Maha Dicintai dan Maha Abadi. Maka dari itu, tidak perlu risau dengan kehilangan para kekasih palsu kerana Kekasih Hakiki kekal abadi”*

Berdasarkan kenyataan yang disebutkan, Said Nursi (2013a) menekankan bahawa mahabbah selayaknya diberikan hanya kepada Allah SWT kerana Dialah cinta hakiki yang kekal abadi, berbanding dengan makhluk ciptaan-Nya yang akan musnah dan mati. Selain mahabbah itu sendiri yang paling layak dicintai, pencipta mahabbah iaitu Allah SWT terletak di tingkat paling tinggi yang selayaknya dicintai. Mahabbah kepada Allah SWT perlu dijadikan keutamaan berbanding bentuk mahabbah lainnya kerana hanya dengan kekuasaan-Nya insan dicipta dan hidup di dunia ini.

Perkara ini turut sama ditekankan oleh Sa'id Hawwa (2004) ketika menukikan kata-kata al-Ghazaliy yang menekankan bahawa mahabbah itu selayaknya hanya bagi Allah SWT. Perkara ini perlu disematkan dalam diri kerana bertepatan dengan satu hadith yang menyatakan bahawa hanya dengan mahabbah Allah SWT kepada hamba-hambanya akan menjadikan sekalian makhluk-Nya mencintai insan tersebut. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah SWT apabila mencintai seorang hamba, dia memanggil Jibril AS dengan berkata, “Sesungguhnya Allah SWT mencintai fulan, kerananya cintailah ia”. Maka penghuni langit pun mencintainya. Lalu orang tersebut didudukkan sebagai orang yang diterima di muka bumi, dan apabila Allah SWT membenci seorang hamba, ia memanggil Jibril AS, “Sesungguhnya aku membenci fulan, kerananya bencilah ia”. Maka Jibril AS pun membencinya. Lalu ia menyerukan kepada seluruh penghuni langit sesungguhnya Allah SWT membenci fulan, kerananya bencilah ia. Lalu orang tersebut didudukkan sebagai orang yang dibenci dimuka bumi”

(Riwayat al-Bukhariy, No. Hadith: 3209)

Berdasarkan hadith yang dinyatakan, dapat difahami bahawa Allah SWT yang layak dicintai kerana Dialah yang berkuasa dalam menentukan cinta dan benci-Nya kepada makhluk. Begitu juga, Allah SWT yang berkuasa dalam memerintahkan para malaikat dan sekalian makhluk-Nya memiliki rasa kecintaan dan kebencian kepada sesiapa yang telah ditetapkan. Justeru, Allah SWT sebagai Pemilik cinta dan hanya kepada-Nya layak disandarkan cinta hakiki yang merupakan teras utama kepada segala bentuk mahabbah yang lain.

Allah SWT sebagai teras mahabbah memiliki *al-asma' al-husna*. Disebutkan dalam al-Quran anjuran berdoa dengan *al-asma' al-husna* yang bermaksud,

“Hanya milik Allah al-asma' al-husna, maka bermohonlah kepada-Nya dengan menyebut al-asma' al-husna out dan tinggalkanlah orang-orang yang menyimpang dari kebenaran dalam (menyebut) nama-nama-Nya. Nanti mereka akan mendapat balasan terhadap apa yang telah mereka kerjakan”

(al-A'raf, 7: 180)

Menurut Said Nursi (2013a), mahabbah kepada *al-asma' al-husna* ini merupakan pengembalian insan kepada gelaran dan kesempurnaan pemilik cinta hakiki iaitu Allah SWT. Maka dalam tasawur mahabbah, setiap insan perlu mengetahui dan memahami bahawa hanya cinta Allah SWT yang hakiki kekal abadi dan bagi-Nya segala nama-nama yang baik.

ii. Makhluk Sebagai Pelaku dan Penerima Mahabbah

Tasawur mahabbah yang kedua ialah makhluk sebagai pelaku dan penerima mahabbah.

a) Makhluk Sebagai Pelaku Mahabbah

Apabila Allah SWT dikenali sebagai teras utama dalam tasawur mahabbah, makhluk atau insan pula merupakan pelaku mahabbah. Sebagai pelaku mahabbah, seseorang insan itu perlu mengetahui bagaimana selayaknya perlu dikawal dan diaplikasikan mahabbah dalam kehidupan menurut tuntutan syariat Islam.

Berdasarkan hakikat mahabbah menurut Said Nursi, terdapat enam perkara utama yang perlu dijadikan panduan bagi memaknai tasawur insan sebagai pelaku mahabbah. Pertama, perlu diketahui bahawa mahabbah merupakan fitrah dalam diri insan yang diciptakan Allah SWT. Perkara ini ditegaskan Said Nursi (2013a) bahawa Allah SWT telah meletakkan dua peranti utama iaitu rasa takut (*khawf*) dan cinta (*mahabbat*). Oleh itu, setiap insan perlu mengetahui cara menguruskan perasaan ini dengan baik sama ada ditujukan kepada Pencipta atau makhluk agar kesan yang diterima adalah baik dan bukan sebaliknya.

Kedua, bermatlamatkan *sa'adat al-darayn*. Dalam hal ini, Said Nursi (2013a) menyatakan bahawa mahabbah itu dikurniakan kepada insan dengan tujuan mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat. Namun, mahabbah yang dinyatakan ini adalah dalam lingkungan mahabbah yang mendorong kepada cinta hakiki, iaitu cinta hanya kerana Allah SWT dan atas nama-Nya.

Ketiga, peningkatan mahabbah dapat dilakukan melalui tiga perkara iaitu *al-Jamal*, *al-Kamal*, dan *al-Ihsan* (Said Nursi, 2013c). Menurut Sadik Ozata (2022), kefahaman yang baik terhadap ketiga-tiga perkara ini akan menambah mahabbah dalam hati. Hal ini demikian kerana kefahaman yang baik kepada ketiga-tiga perkara tersebut akan membantu insan memperbaiki dan mempertingkatkan tahap mahabbah kepada Allah SWT (Said Nursi, 2013c).

Keempat, praktikal mahabbah dengan makna *al-harfiy* dan bukan dengan makna *al-ismiy*. Hal ini membawa maksud, mahabbah kepada setiap bentuknya perlu dilakukan hanya kerana Allah SWT semata-mata dan bukan kerana selain-Nya (Said Nursi, 2013b).

Kelima, mahabbah kepada selain Allah SWT adalah cinta *majaziy*. Said Nursi (2013a) mengajak setiap insan meninggalkan semua bentuk kecintaan *majaziy* yang membawa kepada kemudaratan. Hal ini disebabkan menurut Rahmi Damis (2010), mahabbah insan itu terbahagi kepada dua iaitu, mahabbah kepada Allah SWT, dan mahabbah kepada selain-Nya. Daripada pembahagian ini, mahabbah insan itu akan terbahagi pula kepada dua golongan iaitu, mahabbah bagi orang yang beriman dan yang tidak beriman. Justeru dalam perihal mahabbah, pilihlah untuk menjadi mahabbah orang yang beriman kerana pengembalian kepada Pemilik cinta dilakukan atas setiap mahabbah kepada sekalian makhluk-Nya.

Yang terakhir, keenam ialah natijah mahabbah. Insan sebagai pelaku mahabbah perlu

mengetahui bahawa mahabbah yang dipraktikkan dalam kehidupan memiliki natijahnya. Seharusnya, setiap mahabbah itu tidak membawa kepada dosa dan kebinasaan kepada pelaku mahabbah. Oleh itu, setiap mahabbah kepada makhluk Allah SWT yang membawa natijah buruk di dunia dan akhirat perlu ditinggalkan dan dijauhkan.

Said Nursi (2013a) menegaskan bahawa setiap insan perlu sentiasa menjaga diri dan mengetahui bahawa terdapat dua jalan yang terbentang dalam kehidupan yang dilalui. Pertama, jalan kesesatan dan kesengsaraan yang diperkenalkan oleh golongan yang sesat. Kedua, jalan kebahagiaan yang merupakan jalan bagi orang-orang beriman. Jalan kedua ini merupakan jalan yang perlu dipilih oleh setiap insan dan meninggalkan jalan-jalan selainnya kerana akan membawa kepada kemusnahan dan kebinasaan. Begitulah juga perihalnya dalam mahabbah, perlu memilih cara yang dibenarkan syariat. Perkara ini bertepatan dengan satu ayat al-Quran yang bermaksud:


“Dan bahawa sesungguhnya inilah jalan-Ku (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) menceraikan kamu dari jalan Allah SWT, dengan yang demikian itulah Allah SWT perintahkan kamu, supaya kamu bertakwa”
(al-An‘am, 6 :153)

Sehubungan dengan itu, insan sebagai pelaku mahabbah perlu memahami cara dan panduan yang dinyatakan dalam mengawal dan mengaplikasi mahabbah menurut tuntutan syariat agar tidak tergolong dalam golongan yang mengaplikasikannya dengan cara yang salah, seterusnya membawa kemudaratan kepada diri sendiri dan orang lain.

b) Makhluk Sebagai Penerima Mahabbah

Selain makhluk sebagai pelaku mahabbah, makhluk juga merupakan penerima mahabbah. Penerima mahabbah bukan sahaja daripada golongan insan, malah termasuk makhluk lain ciptaan Allah SWT. Dalam konteks perbincangan kajian ini, insan sebagai penerima mahabbah perlu turut sama memahami bagaimana selayaknya menerima mahabbah yang dibenarkan dan dalam lingkungan yang dibataskan syariat. Perkara ini dapat difahami sebagaimana insan sebagai pelaku mahabbah.

Secara ringkasnya, tasawur mahabbah dapat difahami sebagaimana rajah yang berikut.



Rajah 1: Tasawur Mahabbah Menurut Badiuzzaman Said Nursi

RUMUSAN

Sebagai kesimpulan, Said Nursi memiliki sudut pandang yang tersendiri dalam membahas hakikat mahabbah. Menerusi hakikat mahabbah yang digariskan, terbina satu tasawur mahabbah yang sebenarnya telah mengambil kira penekanan hubungan yang bersifat horizontal dan vertikal. Tasawur yang terbina ini dilihat dapat membantu setiap insan dalam membentuk jati diri yang bukan sahaja menekankan kesejahteraan kehidupan duniawi. Bahkan dapat membantu membina kesejahteraan kehidupan ukhrawi.

RUJUKAN

Al-Qur'an.

- Abu Nasr 'Abd Allah 'Ali al-Sarraj al-Tusiy. (2016). *Al-Luma' Fi Tarikh al-Tasawwuf al-Islamiyah* Muhammad Adib al-Jadir. Kaherah: Dar al-Fath.
- Achmad Reza Hutama Al Faruqi. (2019). Al-Insan Al-Kamil Inda Badiuzzaman Said Nursi. *TASFIYAH: Jurnal Pemikiran Islam*. Vol 3. Bil. 1. 133-153.
- Ahmad Kazim Muhammad Saleh. (2015). *Al-Hijaj Al-Falsafi Fi Burhanah Haqaiq Al-Quran Fi Fikr Badiuzzaman Said Nursi: Dirasah Maudu'iyah Tahliliyah*. Tesis Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Ahmad Muhammad 'Ajjabat al-Hasaniy. (2008). *Mi'raj al-Tasyawwuq ila Ḥaqa'iq al-Tasawwuf*. Beirut: A'lah al-Kitab.
- Sahal Abdillah Al-Tustariy. (2004). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Pentahqiq: Ṭaha 'Abdurraūf Sa'ad dan Sa'ad Ḥasan Muḥammad 'Ali. Kairo: Dār al-Ḥaram li al-Turās.
- Badiuzzaman Said Nursi. (2013). *Al-Kalimat*. Terj: Ihsan Qasim Al-Salihi. Kaherah: Sozler Publications.
- Badiuzzaman Said Nursi. (2013). *Al-Maktubat*. Terj: Ihsan Qasim Al-Salihi. Kaherah: Sozler Publications.
- Badiuzzaman Said Nursi (2013). *Al-Lama'at*. Terj: Ihsan Qasim Al-Salihi. Kaherah: Sozler

Publications.

- Haron Din. (1992). *Tasawwur Islam*. Shah Alam: Penerbitan HIZBI.
- Hasan Horkuc. (2004). Said Nursi's Ideal for Human Society: Moral and Social Reform in the Risale-i Nur. Tesis Doktor Falsafah, Institute for Middle-Eastern and Islamic Studies, University of Durham.
- Mohd Shukri Hanapi. (2013). *Tasawur Islam dan Pembangunan*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara. Cetakan Pertama.
- Muhammad Yusry Affandy Md Isa & Faid Zulkifli. (2020). Ketokohan Sa'id Nursi Dalam Pentafsiran Berhubung Sunnah: Kajian Teks Dalam Rasail Al-Nur. Proceedings of the 7th International Prophetic Conference (SWAN) 2020. 308-319.
- Rahmi Damis. (2010). Al-Mahabbah Dalam Al-Quran. Ringkasan Disertasi Program Pascasarjan. Universiti Islam Negerin (UIN) Alauddin Makassar. Dipetik daripada <http://repositori.uin-alauddin.ac.id/11739/1/Rahmi%20Damis.pdf>. [Diakses pada: 7 June 2022].
- Sa'id Hawwa. (2004). *Al-Mustakhlis Fi Tazkiyat Al-Anfus*. Edisi ke-10. Kaherah: Dar Al-Salam.
- Syaidatun Nazirah Abu Zahrin et al. (2014). Pendekatan Dakwah Melalui 'Konsep Cinta Muslim' Dalam Menangani Masalah Sosial Remaja. *Al-Hikmah*. Vol. 6. Bil. 1.